

18 JUN 1998

TPM NEW ZEALAND TIBA UNTUK LAWATAN TIDAK RASMI DI LANGKAWI

LANGKAWI, 18 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Bendahari New Zealand Winston Peters tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat dekat sini, untuk lawatan tidak rasmi dua hari ke pulau lagenda ini.

Peters dan rombongannya disambut oleh Pegawai Daerah Haji Ismail Hamid dan pegawai-pegawai kerajaan.

Terdahulu, beliau menghadiri mesyuarat dua jam dan jamuan tengah hari dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Peters yang tiba di Malaysia Selasa lepas telah membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malaysia ialah pasaran eksport ke-10 terbesar New Zealand.

-- BERNAMA

NH NAK